



PASUKAN Bomba dan Penyelamat menggunakan khidmat anjing pengesan dalam operasi mencari dan menyelamatkan seorang lelaki yang dihanyutkan arus deras di Sungai Perak, Kuala Kangsar semalam.

Warden hanyut ketika seberangi Sungai Perak

Hilang sekelip mata dibawa arus deras

OLEH ASLIZA MUSA

KUALA KANGSAR – Tindakan seorang lelaki berenang menyeberangi Sungai Perak berhampiran Jambatan Sultan Abdul Jalil dekat Sayong Lembah di sini semalam, berakhir tragedi apabila dihanyutkan arus deras.

Dalam kejadian sekitar pukul 10 malam itu, Mohamad Nor Amirulhamzah Jaafar, 26, yang juga warden Pusat Rawatan dan Pemulihan Darul Islah dihanyutkan arus, manakala seorang penghuni pusat itu terselamat selepas sempat berenang ke tebing.

Ketua Polis Daerah Kuala

Kangsar, Asisten Komisioner Omar Bakhtiar Yaacob berkata, mangsa datang ke lokasi kejadian sekitar pukul 8.30 malam bersama seorang pengurus dan tiga penghuni pusat berkenaan untuk menjala ikan.

Katanya, mangsa bersama seorang penghuni dikatakan mengambil keputusan berenang ke seberang sungai selepas gagal memperoleh ikan.

“Keadaan arus deras bagaimanapun telah hanyutkan mangsa. Seorang penghuni sempat menyelamatkan diri dengan berenang ke tebing sungai.

“Operasi mencari dan me-

nyelamat (SAR) mangsa diaktifkan tengah malam tadi. Pasukan bomba dan penyelamat memberi fokus pencarian di permukaan sungai,” katanya ketika ditemui di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di sini semalam.

Menurutnya, ekoran keadaan gelap dan arus deras, operasi mencari mangsa ditangguhkan sebelum disambung hari ini pada pukul 8.30 pagi.

“Operasi hari ini (semalam) turut menggunakan khidmat Unit Anjing Pengesan (K9) bomba bagi membantu mengesan mangsa. Pencarian juga dijalankan sejauh tiga kilometer dari Jeti Penambang Sayong,” katanya.